

Perkembangan Islam di Negeri China

Riwayat Asal Mulanya Benih Islam Bercambah di Benua Itu

Dalam kurun Masihi yang ketujuh (kurun yang pertama Hijriah) orang-orang Arab telah datang ke negeri China – ke bandar Canton dan Hangzhou dengan melalui jalan laut, dan kemudiannya orang-orang Islam yang lain datang ke negeri China melalui Iran dan Turkistan hubungan perniagaan di antara bangsa Arab dengan bangsa China memang sudah lama sejarahnya, berbalik kepada zaman dahulu kala yang tidak dapat ditentukan oleh sejarah.

(Terjemahan Abdullah Basmeh dari buah pena Tal‘at Zahrān – Mesir)

Dalam salah satu tulisannya, A. M. Wiri, berkata: “Orang-orang Arab sebelum kezahiran Nabī Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa ălihi wa sallam*, telah menjalankan perniagaan di India, Kepulauan Melayu dan negeri China.

Mereka membawa barang-barang dagangan dari negeri-negeri itu, seperti batu-batu permata, emas, perak, sutera dan rempah-rempah, lalu mereka bawa melalui jalan laut ke Teluk Parsi dan ke Iskandariah, dan dari sana dibawa orang ke Eropah.”

Menurut kitab-kitab *tawārīkh* China, bahawa Islam telah masuk ke negeri China dalam permulaan kezahiran Islam, meskipun berat sangkaan kita bahawa kemasukannya ialah kemudian daripada itu. Kitab-kitab *tawārīkh* China itu menyatakan lagi, bahawa (Maharaja) “Tai Tsung” (627 – 650 M.) telah menerima utusan-utusan Parsi dan Rom, menyampaikan berita kekalahan kedua-dua negara itu setelah keduanya digempur oleh

tentera Arab Islam. Punca itu juga mengatakan bahawa Maharaja China telah menghantarkan utusannya kepada Khalifah Islam yang ketiga, Saydinā ‘Uthmān ibn ‘Affān, *radiya Allāhu ‘anhu*.

Pada kurun Masihi yang kedelapan, orang-orang China telah mengenal dari dekat akan kekuatan tentera Arab. maharaja China telah menghantarkan tenteranya berjumlah 20,000 orang menentang tentera Islam. Dalam pertempuran itu tentera China telah dikalahkan oleh tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Qutaibah ibn Muslim, panglima Islam yang masyhur. Qutaibah pun menghantarkan utusannya kepada Maharaja China meminta supaya Maharaja itu memeluk Islam atau membayar jizyah (cukai). Jika tidaklah kerana Khalifah Islam, Yazid ibn ‘Abdul Malik (menjadi Khalifah 720 – 724 M.) meninggal dunia dan tidak berapa antaranya panglima Qutaibah pula telah dibunuh orang, nescaya negara China hari ini termasuk dalam lingkungan

negara-negara Islam.

Hasil kesemuanya ini, sebahagian dari orang-orang

China telah memeluk Islam dan di antaranya ialah suku

atau puak "Hui Chi". Nama ini kemudiannya telah

menjadi nama bagi muslimin China. Hal ini berkekalan

sehingga galah zaman orang Monggol berkuasa di negeri

China. Semenjak itu orang-orang China Islam terkenal dengan

nama "Hui Hui", dan sekarang terkenal pula

dengan nama "Ching Jen" dan agama disebut "Ching Jen

Jiao". Semenjak masa yang tersebut negeri China telah

mendedahkan pintunya untuk menerima Islam, dan

banyaklah orang-orang China yang telah memeluk Islam.

Tatkala seorang ketua pemerintahan sebuah daerah

China bangun memberontak dan menentang Maharaja China, maka

Maharaja China pun meminta bantuan Khalifah Islam

Abū Ja‘afar al-Manṣūr (dari khalifah-khalifah ‘Abbasiyyah). Khalifah

al-Manṣūr pun menghantarkan tentera Islam sebanyak sepuluh

ribu orang, cukup lengkap dengan alat senjatanya, dan

telah berjaya menindas pemberontak China dan mengamankan

negeri China. Tentera Islam itu tidak pula kembali



Suatu pemandangan dalam masjid bandar Taipei yang telah selamat dibuka baharu-baharu ini. Dengan hati yang tulus ikhlas lagi khusyuk, saudara-saudara kita kaum muslimin China, sedang berdoa ke hadrat Allah ‘azza wa jalla, supaya dilimpahkan-Nya taufik dan hidayah-Nya dan diberi perlindungan kepada umat Islam barang di mana mereka berada di segenap pelosok dunia, dan dijauhkan mereka dari segala bahaya dan angkara musuh-musuh Islam – terutama kaum komunis yang sedang mencengkam tanah air mereka dengan kejamnya.

ke tempat pertahanannya di Khurasan (sebuah daerah di negeri Parsi) tetapi telah tinggal terus di negeri China, lalu berkahwin dengan perempuan-perempuan China. Mereka lah benih Islam yang telah bercambah dan kembang, dan sebahagian besar dari orang-orang China Islam hari ini ialah keturunan mereka.

Negeri China juga telah didatangi oleh sejumlah besar orang-orang Islam yang lain pula dari jalan laut. Mereka telah tiba di bandar-bandar Canton dan Hangchu. Mereka telah berjaya menyebarkan Islam di negeri China Selatan sebagaimana orang-orang Islam yang terdahulu menyebarkannya di China Utara dan di daerah-daerah Barat Laut. Di antara mereka terdapat seorang bernama Sa'ad ibn Abī Waqāṣ (barangkali Sa'ad ibn Qathim – P.) yang sehingga hari ini masjidnya masih terdiri di bandar Canton.

Penyebar-penyebar Islam – semenjak itu – tidak putus-putus datang mencurah-curah ke negeri China. Mereka telah mendapat layanan yang baik yang telah terhebah beritanya dalam kalangan orang-orang Turkistan dan negeri-negeri yang berdekatan. Banyaklah di antara penduduk negeri-negeri yang tersebut yang telah berpindah beramai-ramai ke negeri China, dan menjawat jawatan-jawatan tinggi serta mendapat sambutan dan layanan yang baik dari maharaja-maharaja China.

Dalam zaman pemerintahan orang-orang Monggol, sejumlah besar orang-orang Islam telah berpindah ke negeri China, di antaranya kedapatan ahli-ahli falak, ahli-ahli perubatan dan alim ulama dalam fikah dan hukum-hukum Islam. Ibn Battutah telah melawat ke negeri China dan telah menulis perihal negeri itu dan penduduknya dalam kitab kisah

pengembaraannya yang masyhur. Kesan dan hasil usaha orang-orang Islam dapat dilihat dalam masyarakat Cina di negeri China. Orang-orang Cina telah meniru kesenian dan seni ukir Arab yang masih berkekalan wujudnya dalam hasil bekas peninggalan mereka.

Tidak pula negeri China berkekalan menjadi negeri yang aman damai demi bagi muslimin Cina. Mereka telah ditindas dengan kejamnya dalam zaman pemerintahan keluarga Manchu, semenjak tahun Masihi 1644.

Tetapi orang-orang Islam Cina pada umumnya, terkenal cergas, dan telah memegang berbagai-bagai jawatan yang penting dalam tentera dan pertadbiran negeri. Mereka telah menjalankan ibadah dengan bebasnya dan telah berhubung dengan umat Islam di seluruh dunia Islam.

Barangkali perhubungan yang lebih cemerlang dan lebih nyata ialah perhubungan mereka dengan negeri Mesir. Al-Azhar pernah menghantarkan guru-gurunya ke negeri China, dan telah menerima rombongan pelajar-pelajar China Islam belajar di Azhar, yang telah menampung ilmu dan kembali ke tanah air mereka untuk menyebarkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam dan kebudayaannya.

Seindah-indah hasil perhubungan ini ialah *kutub khana* yang telah dihadiahkan oleh al-Malik Fu'ād kepada negeri China, yang masih wujud menyandang namanya di bandar Peking, menjadi tumpuan pelajar-pelajar dan pencinta-pencinta ilmu pengetahuan.

